

Lawatan Najib ke Tokyo Bawa Manfaat Berganda
Bernama
Mei 24, 2014
Oleh Azlina Aziz

TOKYO, 24 Mei (Bernama) -- Lawatan singkat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke sini baru-baru ini berjaya melakar kejayaan berganda kerana di samping menjamin kelangsungan hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia-Jepun, ia juga membuktikan pentingnya negara Asia menganggap satu sama lain sebagai rakan dalam dunia hari ini yang serba berkait dan bersepadu.

Lawatan itu boleh diumpamakan seperti "sekali merengkuh dayung, dua tiga pulau terlampau".

Najib tiba di Tokyo pada petang 21 Mei.

Dengan masa kurang daripada 24 jam sebelum bertolak ke Astana, Kazakshtan bagi satu lagi lawatan kerja, Perdana Menteri berjaya mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatan beliau, Shinzo Abe.

Pada hari berikutnya, beliau berucap di hadapan lebih 700 eksekutif kanan dan para pemimpin politik termasuk Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-20 mengenai Masa Depan Asia bertema "Kebangkitan Asia - Mesej Untuk 20 Tahun Akan Datang".

Keserasian Najib dan Abe menghasilkan hubungan dua hala yang erat antara kedua-dua negara. Perdagangan dua hala pada 2013 berjumlah US\$43.20 bilion (RM136.11 bilion).

Kedua-dua pemimpin telah mengesahkan komitmen untuk memperkukuh dan memperluaskan lagi hubungan dua hala ini, terutamanya dalam perdagangan dan pelaburan.

Penekanan yang lebih akan diberikan bagi mengukuhkan beberapa bidang utama dengan memanfaatkan kedudukan Jepun sebagai satu daripada pelabur terbesar di Malaysia, termasuk menyambut baik penyertaan Jepun dalam proses pembidaan antarabangsa bagi projek keretapi laju Kuala Lumpur-Singapura yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Jepun merupakan rakan dagang dunia Malaysia ketiga terbesar dan destinasi eksport ketiga terbesar bernilai US\$25.31 bilion (RM79.75 bilion) pada 2013 selepas China dan Singapura.

Dalam pertemuannya dengan Abe, Najib telah menegaskan antara lain tentang langkah Malaysia untuk bergerak ke hadapan dalam Dasar Pandang ke Timur Gelombang Kedua serta mengesahkan kepentingan mengekalkan keamanan dan kestabilan di Laut China

Selatan.

Beliau juga menyebut mengenai minat Malaysia untuk mengukuhkan kerjasama dalam pembinaan keupayaan dan pembangunan sumber manusia dalam keselamatan maritim.

Najib juga menegaskan tentang keperluan bagi rantau Asia mengambil peranan utama untuk menjadikan abad ke-21 sebagai 'Abad Asia', dengan menyatakan ia perlu berusaha lebih lagi untuk mencapai satu tujuan yang sama dan menjadi sebahagian daripada komuniti yang lebih besar.

"Dengan meletakkan asas untuk penglibatan Asia yang lebih besar dalam agenda keselamatan antarabangsa, dan menyediakan ekonomi kita untuk pertumbuhan yang lebih bersepadu dan mampan, kita menyedari bahawa kedudukan kita di dunia ini berubah-ubah," kata Najib dalam ucaptamanya.

Mesej Najib adalah tepat pada masanya dan penting, iaitu, Asia harus menggalakkan integrasi ekonomi, menangani ketidaksamaan dan menyelesaikan ketegangan serantau melalui diplomasi untuk membantu melonjakkan kejayaan masa depan di rantau ini.

Najib juga bercakap panjang lebar mengenai ketidaksamaan, rasuah, keamanan serantau dan keselamatan.

Bagi menangani ketidaksamaan, ekonomi perlu melabur lebih banyak dalam barangan awam seperti pendidikan dan kesihatan, meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti, dan merapatkan jurang antara hasil kebaikan bandar dan luar bandar.

Menurut Najib, terdapat juga keperluan untuk membina ekonomi yang lebih seimbang, dengan pekerjaan yang berkualiti lebih tinggi, dan penyebaran pertumbuhan antara sektor, dengan komitmen yang berkekalan untuk memerangi rasuah.

"Menangani rasuah bukan kerja setahun, atau satu dekad, tetapi boleh dan mesti dilakukan. Perolehan Kerajaan harus diperbaharui untuk memperkenalkan bidaan terbuka, membawa ketelusan kepada proses yang sering dirosakkan oleh rasuah," kata beliau.

Mengenai keamanan dan keselamatan serantau, Perdana Menteri percaya Asia boleh meneroka cara-cara untuk memberi sumbangan yang lebih besar kepada cabaran-cabaran keselamatan global.

"Bagi Asia untuk terus berjaya dalam persekitaran keselamatan global yang stabil, kita mesti memainkan peranan kita bukan hanya dalam penguatkuasaan norma antarabangsa, tetapi dalam penciptaan mereka juga," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041011>